

Ria (Robo Investment Advisor) Soalan Lazim

(Versi Bahasa Malaysia)

SOALAN AM

1. Apakah itu Ria (Penasihat Pelaburan Robo)?

Ria adalah aplikasi pelaburan automatik daripada ASNB yang dilesenkan melalui rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital (DIM) oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

2. Bagaimanakah Ria berfungsi?

Ria berfungsi menggunakan algoritma dan Teori Portfolio Moden untuk membentuk dan menguruskan portfolio pelaburan secara peribadi. Setelah meneliti profil risiko dan pelaburan pilihan, Ria memperuntukkan pelaburan anda di dalam pelbagai dana unit amanah saham ASNB, dengan tujuan untuk mencapai pulangan yang optimum dengan risiko yang minimum.

3. Apakah yang membuatkan Ria berbeza dengan penasihat robo yang lain?

Ria berbeza daripada penasihat robo yang lain dengan menawarkan portfolio yang terdiri daripada dana unit amanah saham ASNB, yang mempunyai fokus pada ekuiti Malaysia dan ekuiti global serta sukuk (bon Islam). Selain itu, RIA menyediakan platform mesra pengguna di dalam aplikasi myASNB, pengimbangan semula berkala, pengoptimuman dan kepakaran tempatan, semuanya dengan yuran yang kompetitif.

Ria juga mendapat sokongan daripada ASNB sebuah syarikat pengurusan amanah saham yang dipercayai dan mempunyai lebih dari 40 tahun pengalaman dalam industri pelaburan.

4. Apakah pelaburan minimum yang diperlukan untuk Ria?

Jumlah permulaan minimum untuk anda melabur dalam Ria ialah RM100, dan jumlah minimum pelaburan berikutnya juga ialah RM100.

Jumlah permulaan minimum yang rendah untuk melabur dalam portfolio yang dipelbagaikan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan dalam pasaran modal di kalangan rakyat Malaysia untuk mendapat manfaat dari pulangan pelaburan jangka masa panjang.

5. Apakah syarat asas untuk kelayakan membuka akaun Ria?

Individu yang merupakan warganegara Malaysia boleh membuka akaun dengan Ria.

Anda memerlukan MyKad dengan alamat tetap di Malaysia dan berumur sekurang-kurangnya 18 tahun. Anda juga memerlukan alamat e-mel yang sah dan akaun bank di Malaysia yang aktif untuk proses pemindahan dana masuk dan keluar dari akaun Ria anda.

6. Siapakah yang menguruskan Ria?

Ria adalah perkhidmatan pengurusan pelaburan digital yang ditawarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)), pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dilesenkan untuk pengurusan dana berkaitan dengan pengurusan portfolio - pengurusan pelaburan digital.

7. Saya bukan warganegara Malaysia/Pemastautin Tetap Malaysia. Adakah saya masih layak untuk membuka akaun?

Jika anda bukan warganegara Malaysia/Pemastautin Tetap Malaysia, anda tidak layak untuk membuka akaun dengan Ria.

8. Bolehkah saya membuka akaun bersama?

Anda tidak boleh membuka akaun bersama dengan Ria.

9. Saya rakyat Malaysia tetapi kini menetap di luar negara. Bolehkah saya melabur dengan Ria?

Ya! Anda boleh melabur dalam Ria selagi anda mempunyai MyKad dengan alamat tetap Malaysia, berumur sekurang-kurangnya 18 tahun, mempunyai alamat e-mel yang sah dan mempunyai akaun bank di Malaysia yang masih aktif.

10. Adakah Ria dikawal oleh mana-mana badan kawal selia di Malaysia?

Ria, melalui ASNB, dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia di bawah rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital (DIM). Di bawah rangka kerja tersebut, Ria diberi kuasa untuk menjalankan perniagaan pengurusan dana yang menggabungkan teknologi inovatif ke dalam perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara automatik menurut Jadual 2 Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007.

11. Adakah portfolio yang dilaburkan oleh Ria patuh Syariah?

Melabur dalam Ria melalui unit amanah yang ditawarkan oleh ASNB, sebuah syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB telah difatwakan sebagai "Harus" atau dibenarkan di sisi Syarak oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan semua Majlis Fatwa Negeri di Malaysia.

12. Bagaimanakah Ria berbeza daripada akaun simpanan bank?

Ria adalah perkhidmatan pelaburan yang direka untuk membantu pelabur meningkatkan nilai pelaburan mereka melalui portfolio dana yang dipelbagaikan, manakala akaun simpanan bank adalah akaun deposit yang membolehkan individu menyimpan wang dan memperoleh kadar faedah/keuntungan atas deposit mereka.

Ria mempunyai risiko yang tinggi, tetapi juga menawarkan potensi pulangan yang lebih tinggi, manakala akaun simpanan bank ialah pilihan berisiko rendah yang menawarkan pulangan yang lebih rendah.

13. Bilakah transaksi saya akan dipaparkan di dalam akaun Ria saya?

Untuk deposit sekali, transaksi anda akan muncul dalam akaun Ria anda antara 3-6 hari perniagaan.

Untuk Auto Labur, ia mungkin mengambil masa sehingga 7 hari perniagaan dari tarikh potongan yang dijadualkan untuk status transaksi disahkan oleh pemegang amanah (custodian). Setelah diluluskan oleh pemegang amanah (custodian), urus niaga mungkin mengambil masa antara 3-6 hari perniagaan untuk dipaparkan dalam akaun Ria anda. Auto Labur mungkin dipaparkan dalam akaun Ria anda seawal 4 hari perniagaan dan selewatnya 13 hari perniagaan selepas tarikh potongan yang anda jadualkan. Memandangkan pemprosesan Auto Labur melibatkan pelbagai langkah dan pihak (dalam menyatukan urus niaga dalam bank dan antara bank), jumlah urus niaga yang meningkat boleh mengakibatkan kelewatan untuk pemegang amanah meluluskan dan untuk urus niaga dipaparkan dalam akaun Ria anda.

14. Apakah perbezaan antara Ria dan aplikasi myASNB?

Aplikasi myASNB ialah aplikasi mudah alih rasmi oleh ASNB yang membolehkan pengguna melihat portfolio pelaburan ASNB mereka dengan selamat dan mudah untuk pengguna melakukan pelaburan tambahan menggunakan telefon/tablet pintar/mudah alih di mana-mana sahaja, pada bila-bila masa.

Ria pula ialah platform dalam aplikasi myASNB yang membolehkan pengguna melabur dalam portfolio yang dipelbagaikan. Ria direka-bentuk sebagai pengurus pelaburan digital yang holistik dengan menyediakan perkhidmatan pengurusan portfolio atas talian yang bertujuan untuk melabur aset pengguna melalui nasihat pelaburan secara automatik menggunakan algoritma profil risiko.

15. Jika aplikasi myASNB tidak berfungsi, adakah saya masih mempunyai akses pada Ria?

Ria boleh diakses secara eksklusif melalui aplikasi myASNB. Jika aplikasi myASNB mengalami gangguan dan tidak boleh diakses, Ria juga tidak boleh diakses oleh pelabur Ria.

ASNB akan menguruskan gangguan kepada platform Ria (contoh, penyelenggaraan berjadual) dan akan memaklumkan pelabur Ria sekiranya terdapat masa henti yang dijangka berpanjangan.

PERMULAAN**1. Bagaimanakah saya boleh bermula?**

Untuk permulaan, sila muat turun aplikasi myASNB daripada Google Play Store, Apple App Store atau Huawei AppGallery. Buka akaun anda di dalam aplikasi myASNB, pilih Ria, lengkapkan soal selidik penilaian risiko, dan ikuti langkah-langkah untuk memindahkan wang ke dalam akaun anda. Setelah akaun anda lengkap dan dana sedia untuk dilaburkan, Ria akan melaburkan wang anda secara automatik mengikut portfolio yang disyorkan atau portfolio pilihan anda.

2. Apakah syarat umur minimum untuk membuka akaun?

Umur minimum untuk membuka akaun ialah 18 tahun.

3. Apakah jumlah pelaburan minimum yang diperlukan untuk membuka akaun?

Jumlah pelaburan minimum yang diperlukan ialah RM100 untuk membuka akaun dan mula melabur.

4. Berapakah had jumlah yang boleh saya laburkan ke dalam akaun Ria saya?

Tiada had untuk jumlah yang anda boleh laburkan ke dalam akaun Ria anda.

5. Saya telah melakukan pemindahan wang ke dalam akaun Ria, apakah tindakan lanjutan?

Selepas melakukan pemindahan wang, Ria akan memproseskan dan memperuntukkan dana anda ke dalam portfolio pilihan anda. Anda boleh memantau pelaburan dan transaksi anda dengan log masuk ke akaun Ria anda.

6. Mengapa pemindahan wang tidak berlaku serta-merta?

Pemindahan wang tidak berlaku serta-merta disebabkan oleh masa pemprosesan oleh pihak bank, waktu pasaran dan faktor-faktor operasi lain. Secara umumnya, pemindahan wang mengambil masa beberapa hari perniagaan untuk selesai, bergantung kepada bank yang terlibat dan jenis transaksi yang dilakukan.

7. Bolehkah saya melabur dengan Ria jika saya mempunyai akaun dengan platform pelaburan lain?

Ya, anda boleh melabur dengan Ria walaupun anda mempunyai akaun dengan mana-mana platform pelaburan lain. Ria menawarkan set pilihan pelaburan yang berbeza, tertumpu kepada dana unit amanah ASNB meliputi ekuiti Malaysia, ekuiti global dan sukuk (bon Islam), yang boleh melengkapkan pelaburan sedia ada anda.

PERTANYAAN AKAUN

1. Bagaimanakah cara untuk saya menutup akaun Ria saya?

Untuk menutup akaun anda, anda boleh melakukan pengeluaran penuh. Sebaik sahaja anda telah menerima dana anda, anda boleh meneruskan untuk memadamkan portfolio Ria anda dalam aplikasi myASNB.

2. Apakah had maksimum pelaburan dengan Ria?

Tiada had maksimum untuk pelaburan dengan Ria. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk melabur mengikut kemampuan anda dan selaras dengan matlamat kewangan dan toleransi risiko anda.

3. Bagaimanakah saya boleh membuat perubahan atau memadamkan portfolio saya?

Sebaik sahaja anda telah memilih portfolio, anda tidak boleh menukar profil risiko portfolio dan anda hanya boleh memadamkannya jika anda berhasrat untuk menutup akaun Ria anda. Jika anda berhasrat untuk melabur di dalam profil risiko yang berbeza, anda boleh membuka portfolio lain dengan profil risiko yang dikehendaki. Jika anda memerlukan bantuan, hubungi pasukan sokongan pelanggan Ria untuk mendapatkan bimbingan.

4. Bolehkah saya mengakses Ria menggunakan versi laman web myASNB?

Tidak, Ria hanya boleh diakses melalui aplikasi myASNB dan tidak boleh diakses menggunakan versi laman web myASNB.

5. Bolehkah saya memohon HA/PA (Hibah Amanah/Pengisytiharan Amanah) untuk portfolio Ria saya?

Tidak, tiada perkhidmatan Hibah Amanah dan Pengisytiharan Amanah untuk portfolio Ria anda.

6. Bolehkah saya menutup akaun Ria saya pada bila-bila masa?

Ya, anda boleh menutup akaun Ria anda pada bila-bila masa. Sebarang baki dana pelaburan anda akan dikeluarkan sepenuhnya sebelum akaun anda ditutup.

7. Bagaimanakah saya boleh membuat perubahan kepada deposit sekali dan deposit berkala saya?

Anda boleh membuat perubahan kepada deposit sekali anda sebelum mengesahkan pemindahan wang melalui FPX dari akaun bank anda ke Ria.

Jika anda telah menetapkan Auto Labur untuk deposit berkala anda (debit terus dari akaun bank anda ke akaun Ria secara berkala), anda boleh membuat perubahan kepada tetapan deposit berkala anda melalui ciri-ciri Auto Labur dalam aplikasi myASNB.

8. Bolehkah saya mengeluarkan wang pada bila-bila masa?

Ya, anda boleh mengeluarkan wang dari akaun Ria anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, proses pengeluaran wang mungkin mengambil masa kerana ia melibatkan penjualan pelaburan dana-dana dalam portfolio anda serta pemprosesan transaksi melalui bank anda. Anda dinasihatkan untuk merancang pengeluaran wang lebih awal dan memperuntukkan sedikit masa untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

9. Bolehkah saya memindahkan wang dari satu portfolio ke portfolio yang lain (penukaran)?

Buat masa kini, platform Ria tidak menawarkan ciri-ciri penukaran yang membolehkan anda memindahkan wang terus dari satu portfolio ke portfolio yang lain. Walau bagaimanapun, anda masih boleh membuat perubahan pada pegangan pelaburan anda dengan menjual pelaburan anda daripada satu portfolio dan kemudian menggunakan hasil tersebut untuk melabur ke dalam portfolio lain di platform Ria. Sila maklum bahawa proses ini mungkin mengambil masa, kerana ia melibatkan penjualan dan pembelian dana-dana portfolio.

10. Adakah saya akan dikenakan yuran tambahan jika saya membuat portfolio yang baru?

Tidak, tiada yuran tambahan jika anda menetapkan lebih daripada satu portfolio Ria. Anda hanya akan dikenakan fi perkhidmatan ke atas jumlah pelaburan anda.

PELABURAN DAN PORTFOLIO**1. Bagaimanakah Ria menentukan portfolio pelaburan saya?**

Ria menentukan portfolio pelaburan anda dengan menilai profil risiko anda melalui soalan-soalan tertentu. Soalan-soalan ini menilai keupayaan anda untuk mengambil risiko dan toleransi serta tingkah laku anda ketika kehilangan dana asal. Berdasarkan jawapan anda, Ria akan mengesyorkan portfolio yang sesuai dengan profil risiko anda, bermula daripada Sangat Konservatif kepada Sangat Agresif.

2. Apakah yang saya miliki dalam portfolio saya?

Dalam portfolio anda, anda miliki unit dalam dana unit amanah saham ASNB, khususnya ASN Equity Malaysia, ASN Equity Global dan ASN Sukuk. Dana-dana ini mewakili kelas aset yang berbeza, seperti ekuiti domestik, ekuiti global dan sukuk (bon Islam) dengan menawarkan pendedahan kepada pelbagai pasaran dan gabungan pelaburan yang dipelbagaikan.

3. Bolehkah saya menetapkan lebih daripada satu portfolio?

Ya, anda boleh menetapkan lebih daripada satu portfolio dengan Ria. Ini membolehkan anda untuk menguruskan matlamat pelaburan atau keutamaan risiko yang berbeza secara berasingan.

4. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan informasi terkini tentang prestasi portfolio saya?

Anda akan diberi laporan tentang prestasi portfolio anda melalui penyata berkala di dalam platform Ria. Anda juga boleh memantau prestasi portfolio anda pada bila-bila masa dengan log masuk ke akaun Ria anda.

5. Mengapa pulangan pelaburan saya berbeza setiap hari?

Pulangan pelaburan anda mungkin berbeza setiap hari disebabkan turun naik dalam harga pasaran aset asas atau dana-dana di dalam portfolio anda. Pergerakan pasaran boleh menyebabkan nilai pelaburan anda naik atau turun, dan secara tidak langsung membawa kepada perubahan pulangan keseluruhan portfolio anda.

6. Adakah saya akan menerima pendapatan dividen daripada pelaburan saya dalam portfolio Ria?

Pendapatan dividen daripada portfolio Ria tidak dijamin dan bergantung kepada beberapa faktor. Pengagihan dividen ditentukan oleh ketersediaan pendapatan pada akhir tahun kewangan setiap dana di dalam portfolio, selepas tolakan kos dan cukai yang berkenaan. Keputusan untuk mengagihkan dividen dibuat oleh Pengurus dana-dana tersebut.

7. Bagaimanakah saya boleh membatalkan transaksi?

Transaksi yang telah selesai tidak boleh dibatalkan. Jika anda telah membuat deposit ke dalam Ria anda, anda boleh melakukan pengeluaran separa atau pengeluaran penuh sebaik sahaja dana dipaparkan dalam akaun anda. Begitu juga apabila anda telah membuat pengeluaran wang (separa atau penuh), dana akan diproses sepenuhnya untuk dipindahkan ke akaun bank anda yang dipautkan dan transaksi tidak boleh dibatalkan.

8. Bagaimanakah saya boleh memperuntukkan deposit saya ke dalam setiap portfolio berasingan?

Jika anda mempunyai lebih daripada satu portfolio Ria, anda boleh mengikuti langkah-langkah berikut untuk memperuntukkan deposit anda ke dalam setiap portfolio yang anda inginkan:

1. Log masuk ke dalam akaun Ria anda.
2. Pilih portfolio yang anda ingin laburkan.
3. Klik pada butang atau pautan "Deposit".
4. Masukkan jumlah yang anda ingin depositkan.
5. Semak dan sahkan peruntukan deposit anda.

Setelah anda menyelesaikan langkah-langkah ini, deposit anda akan diperuntukkan kepada portfolio yang dipilih. Adalah penting untuk menyemak peruntukan portfolio anda dengan kerap dan membuat pelarasan yang perlu untuk memastikan pelaburan anda sejajar dengan matlamat pelaburan dan toleransi risiko anda.

9. Apakah yang berlaku jika baki pelaburan saya adalah 'RM0' dalam portfolio atau dalam Ria?

Jika baki pelaburan anda dalam portfolio atau dalam Ria ialah RM0, ini bermakna anda tidak mempunyai pelaburan aktif dalam portfolio atau dalam Ria. Jika anda pernah melabur dalam portfolio sebelum ini dan baki pelaburan anda telah susut kepada RM0, ini bermakna anda telah mengeluarkan semua wang pelaburan anda daripada portfolio tersebut. Portfolio anda tidak akan ditutup atau dipadamkan secara automatik jika baki pelaburan anda ialah RM0.

10. Bagaimanakah cara saya mengalih keluar atau menutup portfolio tertentu?

Untuk mengalih keluar atau menutup portfolio tertentu dalam Ria, sila ikuti langkah-langkah berikut:

1. Log masuk ke akaun Ria anda.
2. Kemudi ke tab "Ria" pada menu utama.
3. Cari portfolio yang anda ingin alih keluar atau tutup di bawah Portfolio Saya, dan klik padanya untuk mengakses butiran portfolio.
4. Pada halaman butiran portfolio, klik pada ikon tong sampah.
5. Ikut arahan pada skrin untuk mengesahkan tindakan anda dan lengkapkan pengalihan keluar atau penutupan portfolio.

Sila maklum bahawa sebaik sahaja anda mengalih keluar atau menutup portfolio, sebarang baki pelaburan yang tinggal dalam portfolio tersebut akan dikeluarkan dan dipindahkan semula ke akaun bank anda yang dipautkan.

11. Apakah pengimbangan semula?

Pengimbangan semula ialah proses melaraskan portfolio anda untuk mengekalkan sasaran peruntukan aset. Dari semasa ke semasa, pergerakan pasaran boleh menyebabkan peruntukan aset portfolio anda menyimpang daripada sasaran awal. Pengimbangan semula melibatkan pembelian atau penjualan aset untuk mengembalikan portfolio anda selaras dengan profil risiko yang anda inginkan.

12. Apakah pengoptimuman portfolio?

Pengoptimuman portfolio ialah proses mencari peruntukan portfolio yang terbaik untuk mencapai jangkaan pulangan yang tertinggi untuk tahap risiko tertentu. Ria menggunakan pendekatan Pengoptimuman Min-Varian Sampel Semula, yang menggabungkan rangka kerja pengoptimuman min-varian Markowitz dengan simulasi Monte Carlo, untuk memperoleh portfolio optimum untuk anda.

13. Berapa kerapkah portfolio saya diseimbangkan dan dioptimumkan?

Portfolio anda diseimbangkan semula dan dioptimumkan dalam pelbagai senario, contohnya semasa anda membuat deposit wang atau pengeluaran wang, apabila terdapat perubahan dalam strategi pelaburan, dan pada setiap suku tahunan seperti yang dijadualkan.

14. Apakah strategi pelaburan Ria?

Strategi pelaburan Ria adalah berdasarkan Teori Portfolio Modern (MPT), yang bertujuan untuk memaksimumkan pulangan untuk tahap risiko tertentu melalui kepelbagaian dan peruntukan aset secara optimum. Strategi ini melibatkan pemilihan dana unit amanah saham ASNB yang sesuai dan membina portfolio yang sepadan dengan profil risiko anda.

15. Adakah Ria akan menambah lebih banyak produk ke senarai pilihan pelaburan?

Walaupun Ria kini menawarkan pilihan dana unit amanah saham ASNB yang terhad, platform ini akan mempertimbangkan untuk menambah lebih banyak produk pada senarai pilihan pelaburan pada masa hadapan. Ini bergantung kepada dinamik pasaran, pertimbangan strategik ASNB dan keperluan pengurusan portfolio.

DEPOSIT DAN PENGELUARAN**1. Berapa lamakah masa yang diambil untuk deposit saya dilaburkan dan dipaparkan dalam Ria?**

Masa pemprosesan untuk deposit anda dilaburkan dan dipaparkan dalam Ria bergantung kepada beberapa faktor seperti masa pemprosesan bank dan masa transaksi dibuat pada hari tersebut. Secara amnya, jika anda membuat deposit sekali pada waktu perbankan biasa, dana tersebut akan dipaparkan dalam baki akaun Ria anda dalam masa 3-6 hari perniagaan.

2. Berapakah jumlah maksimum yang boleh saya deposit pada satu-satu masa?

Jumlah maksimum yang boleh anda deposit pada satu masa ialah RM30,000. Had ini tertakluk kepada had pengeluaran perbankan internet dengan bank anda, yang mana lebih rendah.

3. Bolehkah saya menetapkan deposit berkala?

Ya, anda boleh menetapkan deposit berkala menggunakan ciri Auto Labur dalam aplikasi myASNB dan memilih portfolio Ria yang anda inginkan.

PENTING: RM1.00 akan ditolak daripada bank anda untuk tujuan membenarkan akaun anda ditolak untuk deposit berkala. Jumlah tersebut akan dilaburkan semula ke dalam portfolio Ria anda.

4. Adakah saya akan dikenakan bayaran untuk deposit?

Tidak, anda tidak dicaj untuk deposit pertama atau deposit seterusnya.

5. Adakah jumlah deposit saya akan berbeza daripada permintaan awal saya?

Tidak, jumlah deposit anda sepatutnya sama dengan permintaan awal anda. Namun, selepas pelaburan dibuat, nilainya mungkin berubah bergantung kepada turun naik Nilai Aset Bersih (NAB) bagi setiap dana.

6. Kaedah manakah yang tersedia untuk pengeluaran?

Pengeluaran boleh dibuat melalui platform Ria dalam aplikasi myASNB. Pilih portfolio yang diinginkan dan pilih Pengeluaran dan pindahkan jumlah pengeluaran wang ke akaun bank anda yang dipautkan.

7. Bolehkah saya membuat beberapa pengeluaran pada satu-satu masa?

Ya, anda boleh membuat beberapa pengeluaran pada satu-satu masa dari akaun Ria anda. Platform ini membolehkan anda mengeluarkan baki pelaburan anda apabila anda memerlukan.

8. Berapakah jumlah minimum dan jumlah maksimum untuk pengeluaran wang?

Anda boleh membuat pengeluaran separa atau pengeluaran penuh dari portfolio-portfolio Ria anda. Jumlah minimum untuk pengeluaran separa ialah RM1.

9. Mengapa jumlah pengeluaran saya berbeza daripada permintaan awal saya?

Perbezaan dalam jumlah pengeluaran anda adalah disebabkan oleh Nilai Aset Bersih (NAB) yang bersifat indikatif pada masa permintaan anda dilakukan dan tertakluk kepada tempoh penyelesaian T+2. NAB sebenar yang terpakai untuk pengeluaran anda ditentukan selepas tempoh dua hari bekerja, yang mungkin mengakibatkan perubahan dalam jumlah akhir pelaburan yang diterima.

10. Bolehkah jumlah pengeluaran saya ditetapkan pada masa permintaan?

Tidak, jumlah pengeluaran tidak boleh ditetapkan pada masa permintaan. Ini kerana dana menggunakan mekanisme harga hadapan, di mana NAB yang digunakan untuk pengiraan pengeluaran ditentukan pada masa pembayaran, bukan pada masa permintaan. Oleh itu, jumlah pengeluaran akhir mungkin berubah bergantung kepada turun naik pasaran.

11. Adakah terdapat usaha untuk mempercepatkan pemprosesan bagi mengurangkan pendedahan kepada turun naik pasaran?

Masa pemprosesan pengeluaran semasa mematuhi piawaian industri untuk dana harga hadapan. Walaupun kami sentiasa menyemak proses kami untuk penambahbaikan yang berpotensi, garis masa sedia ada direka untuk sejajar dengan amalan pasaran dan mengurangkan pendedahan kepada turun naik pasaran yang berlebihan.

12. Bolehkah saya memindahkan pelaburan Ria saya ke akaun pemegang unit yang berbeza (pemindahan)?

Tidak, anda hanya boleh mengeluarkan pelaburan Ria anda kembali ke akaun bank anda yang dipautkan.

YURAN DAN CUKAI**1. Adakah saya perlu membayar cukai ke atas pulangan pelaburan daripada akaun Ria saya? (Adakah Ria dikecualikan daripada cukai)**

Keuntungan daripada pelaburan yang direalisasikan tidak dianggap sebagai pendapatan, maka ia tidak tertakluk kepada cukai pendapatan. Semua dividen dari sumber dalam Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Di samping itu, dividen, faedah dan pendapatan lain yang diperoleh dari sumber luar Malaysia dan diterima di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, pendapatan tersebut mungkin tertakluk kepada cukai di negara dari mana ia diperolehi.

2. Bagaimanakah dan bilakah Ria mengenakan yuran?

Yuran yang dikenakan kepada pengguna Ria akan dikira berdasarkan jumlah pelaburan dalam akaun mereka yang diakru setiap hari. Tunggakan tersebut akan ditolak daripada akaun pelabur secara bulanan.

3. Adakah saya akan dikenakan yuran jika baki akaun saya hanya tinggal RM0?

Tidak, anda tidak akan dikenakan yuran jika baki anda hanya tinggal RM0 dalam akaun Ria anda. Yuran hanya akan dikenakan berdasarkan jumlah pelaburan dalam akaun anda yang diakru setiap hari, selagi anda mempunyai pelaburan aktif dengan baki lebih daripada RM0.

4. Adakah deposit wang atau pengeluaran wang dikenakan caj?

Tidak, tiada bayaran akan dikenakan untuk deposit wang atau pengeluaran wang yang dibuat melalui Ria.

5. Adakah perubahan pasaran akan menurunkan kadar yuran saya?

Tidak, perubahan pasaran tidak akan menurunkan kadar yuran anda dalam Ria. Platform ini mengenakan bayaran tetap sebanyak 0.30% setahun berdasarkan jumlah pelaburan dalam akaun anda. Yuran harian diakru dan tunggakan ditolak daripada akaun setiap bulan, tanpa mengira turun naik pasaran atau perubahan dalam prestasi pelaburan anda.

6. Bagaimanakah yuran bulanan ditolak?

Pada setiap akhir bulan, jumlah yuran yang dikenakan pada bulan tersebut akan ditolak daripada baki akaun anda. Ini bermakna yuran ditolak secara automatik daripada jumlah pelaburan anda dan anda tidak perlu mengambil sebarang tindakan tambahan untuk membayar yuran.

7. Apakah caj yang dikenakan untuk perkhidmatan anda?

Satu-satunya caj yang dikenakan untuk perkhidmatan Ria ialah fi perkhidmatan sebanyak 0.30% setahun. Fi perkhidmatan ini dicaj pada jumlah pelaburan dalam akaun anda yang diakru setiap hari dan dikira berdasarkan nilai aset bersih (NAV) portfolio. Tunggakan yuran tersebut dicaj setiap bulan, dan meliputi semua kos yang berkaitan dengan pengurusan pelaburan anda, termasuk yuran pengurusan dana, yuran pemegang amanah (custodian) dan kos pentadbiran yang lain. Selain itu, tiada caj tambahan atau yuran tersembunyi yang berkaitan dengan perkhidmatan Ria.

ZAKAT DAN WAKAF

1. Bolehkah saya menggunakan kalkulator Zakat dalam aplikasi myASNB untuk mengira zakat daripada pelaburan Ria saya?

Tidak, kalkulator Zakat dalam aplikasi myASNB direka khusus untuk pelaburan berkaitan unit amanah. Ia tidak merangkumi pengiraan zakat bagi pelaburan yang diuruskan di bawah Ria. Untuk memastikan pengiraan zakat yang tepat bagi pelaburan Ria anda, adalah disarankan untuk berunding dengan penasihat kewangan Islam yang bertauliah atau merujuk kepada garis panduan zakat rasmi yang disediakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.

2. Bolehkah saya melaksanakan wakaf untuk pelaburan Ria saya?

Buat masa kini, pelaburan melalui Ria tidak dapat memenuhi keperluan wakaf. Platform Ria direka untuk memudahkan pelaburan dalam portfolio yang dipelbagaikan, dan tidak mempunyai ciri yang membolehkan pelabur melaksanakan wakaf atau sumbangan amal lain secara langsung daripada pelaburan mereka.

BIJAK/REMAJA

1. Adakah Ria menawarkan akaun untuk tanggungan bawah umur?

Tidak, Ria adalah hanya untuk individu yang berumur 18 tahun dan ke atas.

2. Bolehkah saya membuka Ria untuk tanggungan bawah umur?

Tidak, pengguna Ria tidak boleh membuka akaun bagi pihak tanggungan bawah umur.

AUTO LABUR

1. Apakah perbezaan antara Auto Labur Ria and Auto Labur Unit Amanah?

Auto Labur Ria merupakan perkhidmatan auto debit khas untuk portfolio Ria yang boleh ditetapkan secara berkala sama ada mingguan atau bulanan menerusi Aplikasi myASNB ke atas akaun Ria anda. Manakala, penetapan Auto Labur Unit Amanah boleh ditetapkan secara bulanan sahaja melalui laman web Portal myASNB atau Aplikasi myASNB untuk akaun anda, Akaun Remaja/Bijak dan juga pihak ketiga.

2. Berapakah jumlah pelaburan minimum dan maksimum menerusi Auto Labur Ria?

Pelaburan minimum menerusi Auto Labur Ria ialah serendah RM100.00 dan jumlah maksimum sebanyak RM30,000.00.

3. Adakah yuran dikenakan untuk kemudahan Auto Labur Ria?

Untuk makluman, tiada yuran khusus untuk Auto Labur Ria. Yuran yang dikenakan kepada pengguna Ria hanyalah fi perkhidmatan sebanyak 0.30% setahun berdasarkan nilai aset bersih (NAV) dari jumlah keseluruhan pelaburan dalam akaun Ria anda. Yuran ini diakru setiap hari dan dicaj setiap bulan, meliputi semua kos yang berkaitan dengan pengurusan pelaburan anda, termasuklah Auto Labur Ria.

4. Mengapa ada pemotongan sebanyak RM1 semasa saya membuat pendaftaran Auto Labur Ria?

Potongan RM1 daripada akaun bank anda akan dikenakan bagi tujuan pengesahan dan akan dikreditkan semula ke akaun Portfolio Ria anda.

5. Berapa lama tempoh Auto Labur diproses dalam Ria?

Tempoh masa pemprosesan Auto Labur ke dalam Ria adalah bergantung kepada faktor seperti tempoh pemprosesan oleh pihak bank dan masa transaksi yang dilaksanakan pada hari tersebut. Ia mungkin mengambil masa sehingga 7 hari perniagaan dari tarikh potongan yang dijadualkan untuk status transaksi disahkan oleh pemegang amanah (custodian). Setelah diluluskan oleh pemegang amanah (custodian), urus niaga mungkin mengambil masa antara 3-6 hari perniagaan untuk dipaparkan dalam akaun Ria anda. Auto Labur mungkin dipaparkan dalam akaun Ria anda seawal 4 hari perniagaan dan selewatnya 13 hari perniagaan selepas tarikh potongan yang anda jadualkan. Memandangkan pemprosesan Auto Labur melibatkan pelbagai langkah dan pihak (dalam menyatukan urus niaga dalam bank dan antara bank), jumlah urus niaga yang meningkat boleh mengakibatkan kelewatan untuk pemegang amanah meluluskan dan untuk urus niaga dipaparkan dalam akaun Ria anda.

6. Bilakah masa terbaik untuk saya membatalkan atau mengaktifkan Auto Labur Ria?

Anda perlu membatalkan dalam tempoh 24 jam sebelum tarikh potongan jika anda tidak mahu lagi meneruskan Auto Labur Ria. Anda boleh mengaktifkan semula dalam tempoh 24 jam sebelum tarikh potongan jika anda berubah fikiran untuk meneruskan Auto Labur Ria.

7. Bolehkah saya membatalkan Auto Labur?

Auto Labur Ria tidak boleh dibatalkan sekiranya portfolio anda masih aktif. Namun anda mempunyai pilihan untuk menyahaktifkan Auto Labur Ria, jika anda berhajat untuk tidak meneruskannya. Auto Labur Ria akan terbatal serta-merta apabila anda memadamkan portfolio.

8. Bolehkah saya menetapkan lebih dari satu (1) Auto Labur dalam sesuatu portfolio?

Auto Labur Ria hanya boleh ditetapkan sekali untuk setiap portfolio. Namun begitu, pengguna boleh memilih kekerapan untuk Auto Labur Ria sama ada mingguan atau bulanan.

9. Bolehkah saya memilih tarikh potongan tertentu? Apakah had untuk mengemaskini maklumat potongan?

Ya, pengguna Ria boleh memilih tarikh potongan tertentu untuk kekerapan bulanan, dan hari khusus untuk kekerapan mingguan. Tiada had untuk mengemas kini butiran potongan, namun butiran yang dikemas kini hanya akan berkuat kuasa dalam tempoh 24 jam.

10. Adakah boleh berlaku kemungkinan transaksi Auto Labur Ria saya tidak diterima?

Ya, terdapat kemungkinan bahawa transaksi Auto Labur Ria anda tidak diterima. Ia boleh berlaku atas beberapa sebab. Salah satu punca yang kebiasaannya berlaku adalah pembatalan oleh pihak bank, yang mungkin disebabkan oleh kekurangan dana dalam akaun anda, melebihi had pengeluaran anda, melebihi kekerapan pengeluaran yang dibenarkan, atau masalah berkaitan bank yang lain. Selain itu, transaksi anda mungkin tidak diterima jika status akaun anda diklasifikasikan sebagai 'Tidak Normal,' yang boleh berlaku disebabkan oleh masalah seperti insolvensi, pemegang akaun telah meninggal dunia atau atas sebab-sebab lain.

11. Apa yang berlaku jika transaksi Auto Labur Ria saya tidak berjaya untuk beberapa bulan berturut-turut?

Jika transaksi Auto Labur Ria anda tidak berjaya selama tiga bulan berturut-turut, Auto Labur anda akan ditamatkan secara automatik. Untuk memaklumkan anda mengenai penamatan ini, myASNB akan menghantar peringatan penamatan secara automatik kepada anda selepas bulan kedua kegagalan pemotongan. Selepas bulan ketiga kegagalan pemotongan, myASNB akan mengemas kini status penamatan 'Direct Debit' (DD) untuk penamatan Auto Labur anda.

12. Bagaimana saya boleh mengelakkan penamatan langganan Auto Labur saya?

Untuk mengelakkan penamatan Auto Labur anda, pastikan bahawa:

- Akaun anda mempunyai dana yang mencukupi untuk menampung pemotongan Auto Labur.
- Anda mematuhi had dan kekerapan pengeluaran bank anda.
- Status akaun anda adalah 'Normal' dan tidak diklasifikasikan sebagai akaun yang terlibat dengan isu-isu yang disebabkan oleh masalah seperti insolvensi, pemegang akaun telah meninggal dunia atau atas sebab-sebab lain.

Sila pantau akaun anda dan transaksi Auto Labur secara berkala untuk menangani sebarang masalah dengan segera. Jika anda menghadapi kesulitan atau mempunyai soalan, hubungi bank atau institusi kewangan anda untuk mendapatkan bantuan.

13. Apa yang perlu saya lakukan jika saya menerima peringatan penamatan automatik daripada myASNB?

Jika anda menerima peringatan penamatan daripada myASNB, semak status akaun anda dan pastikan terdapat dana yang mencukupi untuk pemotongan Auto Labur yang akan datang. Segera berhubung dengan bank atau institusi kewangan anda untuk menangani sebarang masalah. Jika anda memerlukan bantuan, hubungi pusat khidmat pelanggan ASNB atau bank anda untuk menyelesaikan sebarang masalah dan mengelakkan penamatan langganan Auto Labur anda.

PENGHUJUNG DOKUMEN